



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KOMITMEN PESERTA TERHADAP PROJEK PASAR TANI  
DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SAHBANI BIN SAIMIN**

**FPP L 1991 1**



**KOMITMEN PESERTA TERHADAP PROJEK PASAR TANI  
DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**OLEH:**

**SAHBANI BIN SAIMIN**

**Tesis Yang Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat Bagi Mendapatkan Master Sains Di Pusat  
Pengembangan Dan Pendidikan Lanjutan  
Universiti Pertanian Malaysia**

**Disember 1991**



## PENGHARGAAN

Dengan perasaan gembira saya merakamkan penghargaan ikhlas dan terhutang budi kepada Dato' Dr. Mohd Nasir Ismail selaku penyelia utama dan kepada Puan Jamilah Othman yang mana telah memberikan nasihat, bimbingan, panduan dan kritikan yang konstruktif yang bukan sahaja menjadikan penyediaan tesis ini terhasil dengan sempurnanya tetapi juga telah menambahkan pengalaman saya yang tidak mudah dilupai semasa mengikuti program Masters di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang Selangor.

Penghargaan ikhlas saya juga kepada Profesor Dr. Alang Perang Zainuddin, Pengarah Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan dan pensyarah-pensyarah yang telah memberikan komen dan cadangan serta syor yang sangat berharga pada setiap peringkat penyediaan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta kakitangannya dan juga kepada peserta pasar tani yang telah memberikan kerjasama yang baik dan galakan semasa kerja pengumpulan data kajian ini dijalankan. Hasil usaha kerjasama mereka telah menjadikan data penyelidikan didapati dengan sempurnanya.



Penghargaan ikhlas juga saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah memberikan banyak panduan dan dorongan semasa penyediaan tesis ini.

Akhirnya, penghargaan dan perasaan terhutang budi ditujukan khas kepada isteri saya, Pn. Hamidah Khalid serta anak-anak Mohd. Nazri, Noor Azreen dan Mohd. Khairul Nizam yang telah berkorban dan bersabar serta memberikan galakan, inspirasi dan bertimbangrasa yang mana secara langsung telah memberikan dorongan kearah penyediaan tesis ini disiapkan mengikut seperti yang telah dirancangkan.



## JADUAL KANDUNGAN

	<u>Muka surat</u>
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xvi
<b>BAB</b>	
I	
PENDAHULUAN           ... ..	1
Kenyataan Masalah     ... ..	3
Objektif Penyelidikan.. ... ..	5
Kepentingan Penyelidikan ... ..	6
Batasan Penyelidikan   ... ..	7
Pembangunan Sistem Pemasaran Menerusi Projek Pasar Tani ... ..	8
Konsep Pasar Tani   ... ..	10
Matlamat dan Objektif Pasar Tani ...	11
Ciri Utama Pasar Tani     ... ..	13
Struktur Organisasi Pasar Tani     ...	16
Khidmat Sokongan FAMA     ... ..	16
Prestasi Semasa Pasar Tani.. ... ..	18



Difinisi Istilah	...	...	...	...	...	22
Petani	...	...	...	...	...	22
Komitmen	...	...	...	...	...	22
Tanggapan	...	...	...	...	...	22
Sikap	...	...	...	...	...	22
Kursus Perniagaan	...	...	...	...	...	23
Pasar Tani	..	...	...	...	...	23
Keberapan Berkomunikasi	...	...	...	...	...	23
<b>SOROTAN LITERATUR DAN MODEL PENYELIDIKAN</b>						24
Kaitan Komitmen Dengan Motivasi..	...	...	...	...	...	24
Proses Motivasi	...	...	...	...	...	27
Teori Motivasi	...	...	...	...	...	29
Teori Jangkaan - Valens	..	...	...	...	...	31
Faktor Yang Berkaitan Dengan Komitmen	...	...	...	...	...	36
Model Penyelidikan	...	...	...	...	...	45
Hipotesis Penyelidikan	...	...	...	...	...	48
<b>METODOLOGI PENYELIDIKAN</b>	...	...	...	...	...	49
Kawasan Penyelidikan ..	...	...	...	...	...	49
Prosedur Pemilihan Sampel	...	...	...	...	...	49
Pengumpulan Data	...	...	...	...	...	51
Pembentukan Dan Pra-Uji Soalselidik ..	...	...	...	...	...	53
Pembentukan Skala Pengukuran Bagi Angkubah Sandar dan Angkubah Bebas	...	...	...	...	...	55
Angkubah Sandar	...	...	...	...	...	55



	Angkubah Bebas	... ..	57
	Pemilihan Teknik Statistik.	... ..	60
	Ujian Koefisien Kebolehpercayaan Skala Angkubah Sandar dan Bebas	.. ...	61
<b>IV</b>	<b>HASIL PENYELIDIKAN</b>	... ..	63
	Ciri dan Aktiviti Responden	... ..	63
	Etnik dan Jantina Responden	... ..	63
	Umur Responden	... ..	64
	Taraf Pencapaian Pelajaran	.. ...	65
	Penyertaan di Pasar Tani	... ..	66
	Dorongan Menyertai Pasar Tani	... ..	68
	Pekerjaan Utama Responden	... ..	69
	Pengangkutan	... ..	72
	Kegiatan Berpersatuan	.. ...	72
	Menghadiri Kursus Perniagaan Anjuran FAMA	... ..	73
	Tahap Komitmen Responden	... ..	73
	Faktor-Faktor Yang Berkaitan Dengan Komitmen Responden	... ..	75
	Sikap Terhadap Perniagaan	... ..	75
	Sikap Terhadap Kejayaan	... ..	76
	Sikap Terhadap Pegawai Pasar Tani	... ..	77
	Sikap Terhadap Kerajaan	... ..	79
	Tanggapan Peserta Terhadap Pasar Tani	..	80
	Tanggapan Peserta Terhadap Kursus Perniagaan	... ..	81
	Kekerapan Responden Berkomunikasi	... ..	82



V	ANALISIS STATISTIK DAN PERBINCANGAN ...	83
	Analisis Korelasi ... ..	83
	Analisis Regresi Berganda ... ..	87
	Analisis Hipotesis ... ..	90
	<u>Hipotesis 1</u> ... ..	90
	Komitmen peserta berkait secara positif dengan umur dalam bidang perniagaan dan jangka masa menjadi peserta	
	<u>Hipotesis 2</u> ... ..	95
	Tahap pencapaian pendidikan berkait secara negatif dengan komitmen peserta terhadap projek pasar tani	
	<u>Hipotesis 3</u> ... ..	96
	Komitmen peserta adalah berkait secara positif dengan sikap mereka terhadap kejayaan, kerajaan, penyelia Pasar Tani dan perniagaan	
	<u>Hipotesis 4</u> ... ..	98
	Komitmen peserta berkait secara positif dengan tanggapan mereka terhadap projek Pasar Tani	
	<u>Hipotesis 5</u> ... ..	101
	Komitmen peserta berkait secara positif dengan pandangan mereka terhadap kursus perniagaan	
	<u>Hipotesis 6</u> ... ..	102
	Komitmen peserta berkait secara positif dengan kekerapan mereka berkomunikasi dengan Pegawai Agensi dan Penyelia Pasar Tani	
	Kesimpulan Hipotesis Kajian ... ..	103





VI	RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN ... ..	105
	Ringkasan Penelitian ... ..	105
	Kenyataan Masalah ... ..	105
	Objektif Penelitian ... ..	106
	Metodologi Penelitian ... ..	107
	Penemuan Penelitian ... ..	108
	 Kesimpulan ... ..	 115
	Implikasi Penelitian ... ..	123
	Cadangan Penelitian Lanjutan ... ..	128
	Penutup ... ..	130
	 <u>BIBLIOGRAFI</u> ... ..	 131
	 <u>LAMPIRAN</u> ... ..	 135
	 <u>VITA</u> ... ..	 161



## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1. Taburan Pasar Tani dan Bilangan Peserta Mengikut Negeri Sehingga Bulan Disember 1990	20
2. Taburan Responden Mengikut Barangan dan Pasar Tani	51
3. Ringkasan Hasil Ujian Koefisyen Kebolehpercayaan Terhadap Skala Angkubah Bebas dan Angkubah Sandar	62
4. Taburan Responden mengikut Jantina dan Keturunan	64
5. Taburan Responden Mengikut Umur	65
6. Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	66
7. Taburan Responden Mengikut Jangka masa Penyertaan di Pasar Tani	67
8. Taburan Responden Berdasarkan Punca Dorongan Menyertai Pasar Tani.	68
9. Taburan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan	69
10. Taburan Responden Mengikut Bidang Pengalaman Perniagaan	70
11. Taburan Responden Mengikut Jenis Barangan Dijual	71
12. Taburan Responden Yang Telah Menghadiri Kursus dan Jenis Kursus	73
13. Taburan Responden Mengikut Nilai Skor Komitmen Mereka Terhadap Pasar Tani	74
14. Taburan Responden Mengikut Nilai Skor Sikap Mereka Terhadap Perniagaan	76



Jadual	Muka Surat
15. Taburan Responden Mengikut Nilai Skor Sikap Mereka Terhadap Kejayaan	77
16. Taburan Responden Mengikut Nilai Skor Sikap Mereka Terhadap Pegawai Pasar Tani	78
17. Taburan Responden Mengikut Nilai Skor Sikap Mereka Terhadap Kerajaan	79
18. Taburan Responden Mengikut Nilai Skor Tanggapan Mereka Terhadap Projek Pasar Tani	80
19. Taburan Responden Mengikut Nilai Skor Tanggapan Mereka Terhadap Kursus Perniagaan	81
20. Taburan Responden Mengikut Kekerapan Berkomunikasi	82
21. Jumlah Nilai Jualan dan Kedatangan Pengunjung Ke Pasar Tani (1985-1990)	141
22. Jumlah Bilangan Peserta dan Pasar Tani Yang Beroperasi (1985-1990)	141
23. Jumlah Peserta Yang Menghadiri Kursus Asas Perniagaan dan Kejurujualan (1986-1990)	142
24. Taburan Responden Mengikut Bilangan Tempat Berniaga	143
25. Taburan Responden Mengikut Sebab Berniaga Di Pasar Tani	143
26. Taburan Responden Mengikut Jarak Tempat Tinggal dengan Pasar Tani	144
27. Taburan Responden Mengikut Pengalaman Berniaga	144
28. Taburan Responden Mengikut Jangka masa Pengalaman Berniaga	145
29. Taburan Responden Mengikut Punca Mendapat Bekalan	145

Jadual	Muka Surat
30. Taburan Responden Mengikut Bilangan Pembantu Perniagaan	146
31. Taburan Responden Mengikut Cara Pengangkutan Ke Pasar Tani	146
32. Taburan Responden Mengikut Kegiatan Dalam Pertubuhan dan Persatuan	147
33. Taburan Responden Mengikut Jawatan Yang Disandang Dalam Persatuan	147
34. Taburan Responden Mengikut Tahun Dan Jenis Kursus	148
35. Nilai Koefisien Korelasi Komitmen Peserta Terhadap Projek Pasar Tani Dengan Angkubah Bebas Secara Matriks	85
36. Korelasi Komitmen Responden Terhadap Projek Pasar Tani Mengikut Susunan Kekuatan Perkaitan	86
37. Analisis Regrasi Berganda Kaedah 'stepwise' Komitmen Responden Dengan Angkubah Bebas	89



## SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1 . Generalisasi Model Asas Proses Motivasi	28
2 . Model Penyelidikan Mengenai Komitmen Peserta Terhadap Projek Pasar Tani	47
3 . Struktur Organisasi Pasar Tani	138



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan ijazah Master Sains

KOMITMEN PESERTA TERHADAP PROJEK PASAR TANI  
DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN

Oleh

SAHBANI SAIMIN

DISEMBER 1991

Penyelia: Profesor Madya Dato 'Dr. Mohd Nasir bin Ismail

Fakulti : Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan

Tujuan utama kajian ini ialah untuk menentukan faktor-faktor yang berkaitan dengan komitmen peserta terhadap projek pasar tani di negeri Selangor Darul Ehsan dan Wilayah Persekutuan. Objektif khusus kajian ini ialah untuk menentukan perkaitan di antara komitmen peserta dengan faktor-faktor seperti ciri-ciri peribadi peserta; sikap peserta terhadap (kejayaan, pegawai pasar tani, kerajaan dan perniagaan); pandangan peserta terhadap projek; pandangan peserta terhadap kursus perniagaan dan komunikasi peserta.

Sebanyak 131 peserta pasar tani telah dipilih sebagai responden kajian. Data yang telah dikumpulkan telah dianalisis dengan menggunakan "Statistical Package for Social Science"

(xiii)



bagi mendapatkan taburan kekerapan, peratusan, kebolehpercayaan, korelasi, analisis varians dan regresi.

Kajian ini mendapati bahawa tahap komitmen peserta terhadap projek pasar tani secara umumnya adalah tinggi.

Beberapa faktor didapati mempunyai perkaitan yang signifikan dengan komitmen peserta terhadap projek pasar tani seperti: (i) jangkamasa responden menjadi peserta; (ii) sikap responden (terhadap kejayaan, kerajaan, perniagaan dan pegawai pasar tani); dan (iii) pandangan responden terhadap projek pasar tani.

Analisis regresi berganda kaedah 'stepwise' telah digunakan dalam kajian ini. Berdasarkan kepada analisis regresi yang melibatkan kesemua angkuabah yang digunakan, didapati angkuabah sikap terhadap kerajaan mempunyai kuasa penjelasan yang tinggi dalam menerangkan varians komitmen peserta. Diikuti pula dengan pandangan terhadap projek pasar tani, sikap peserta terhadap perniagaan, sikap peserta terhadap kejayaan, sikap terhadap pegawai dan jumlah jangkamasa mereka menjadi peserta pasar tani.

Berdasarkan kepada keputusan kajian ini sebanyak lima saranan telah dikemukakan ke arah meningkatkan tahap komitmen

peserta dan pembangunan pasar tani secara umumnya. Sebanyak lima bidang kajian lanjutan telah dicadangkan.





Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science.

PARTICIPANTS' COMMITMENT TOWARDS FARMERS' MARKET PROJECT  
IN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN AND FEDERAL TERRITORY

By

SAHBANI SAIMIN

DECEMBER 1991

Supervisor: Profesor Madya Dato' Dr. Mohd Nasir bin Ismail

Faculty : Centre for Extension and Continuing Education

The main purpose of this study was to determine factors affecting commitment level of the pasar tani participants towards the pasar tani project in Negeri Selangor Darul Ehsan and Federal Territory. The specific objective was to determine the relationship between the level of commitment of participants in pasar tani with factors such as demographic; attitude; perception towards the project and marketing course and communication.

The respondents of the study were registered farmers under pasar tani. There were 131 participants who were selected as samples for the study. The data collected were analysed using the Statistical Package for Social Science subprogrammes for

(xvi)



frequencies, percentages, reliability, correlation, variance and regression.

The study revealed that the participants' level of commitment were generally high.

Several factors were found to be positively related to the participants' level of commitment towards the pasar tani project, namely: (1) demographic factor (tenure); (2) attitude (attitude towards achievement, government, business and pasar tani supervisor); and (3) perception towards pasar tani.

Multiple Regression Stepwise was used in the study. Based on regression analysis involving all variables utilized in the study, the variables attitudes towards government was found to be the highest explanatory power in explaining the variance in commitment, followed by perception towards pasar tani project, attitude towards business, achievement, supervisor and tenure. These six variables could explain 88% variance of the participants' commitment toward the project.

From the findings of the study, five recommendations to improve participants' commitment in pasar tani project were presented. In addition, five suggestions were also forwarded for further research.



## BAB I

### PENDAHULUAN

Dalam tahun 1970-an sehingga sekarang terdapat banyak kajian dijalankan mengenai komitmen pekerja (golongan profesional dan bukan profesional) terhadap organisasi di mana mereka bekerja, (Steers, 1977). Menurut Oliver (1985) penggunaan komitmen sebagai angkuabah sandar dalam sesuatu kajian adalah sangat bersesuaian kerana komitmen dapat berfungsi sebagai pelengkap (function of fit) bagi menerangkan dan menilai reaksi pekerja terhadap apa yang telah ditawarkan oleh organisasi kepada mereka.

Steers (1977) menyatakan bahawa kesemua kajian yang berkaitan dengan komitmen telah meneliti sejauh manakah motivasi atau kuasa dorongan yang ada pada seseorang boleh mengukuhkan tahap komitmen mereka terhadap organisasi. Penggunaan komitmen sebagai petunjuk utama bagi menilai motivasi dan prestasi pekerja dalam organisasi adalah disebabkan oleh beberapa perkara: Pertama, komitmen selalunya dapat menjadi petunjuk yang lebih dipercayai dari aspek pengekalan pekerja dalam organisasi; Kedua, seperti tercatat dalam kajian lain (Mowday, Porter dan Dubin, 1974) menunjukkan bahawa pekerja yang mempunyai tahap komitmen



yang tinggi dapat menunjukkan pencapaian yang tinggi berbanding dengan pekerja yang berkomitmen rendah. Kebanyakan pengkaji di atas membuat kesimpulan bahawa komitmen dapat dijadikan sebagai satu daripada petunjuk yang boleh dipercayai bagi menilai keberkesanan organisasi. Dengan perkataan lain, organisasi yang berkesan mempunyai pekerja yang tahap komitmennya tinggi terhadap organisasi.

Penyelidikan ini memberi tumpuan kepada komitmen peserta pasar tani di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Penyelidikan ini penting kerana sehingga hari ini belum ada penyelidikan dijalankan bagi menilai sikap dan tindakbalas peserta terhadap projek ini.

Dalam konteks pasar tani, peserta dan petani telah mengalami satu pengalaman baru, iaitu pengalaman dalam bidang pemasaran. Penggunaan komitmen sebagai petunjuk utama dalam penyelidikan ini adalah bersesuaian kerana: (a) komitmen dapat menilai tindakbalas dan sikap peserta terhadap pengalaman perniagaan. Ini bermakna penyelidikan ini merupakan satu penerokaan baru dalam bidang pemasaran yang berlainan dengan kajian lepas. Hasil penyelidikan ini secara langsung dapat menerangkan bagaimana petani berfikir, menilai dan bertindak balas terhadap faedah dan matlamat projek ini yang ditawarkan kepada mereka; (b) penggunaan komitmen dalam penyelidikan ini secara langsung dapat menilai sejauh manakah tahap penglibatan

petani terhadap projek ini yang telah berjalan selama lebih lima tahun.

### **Kenyataan Masalah**

Projek pasar tani telah diperkenalkan sebagai satu usaha kerajaan melibatkan petani dalam kegiatan pemasaran. Menerusi penglibatan ini petani dapat meningkatkan pendapatan, di samping mengurangkan masalah pemasaran hasil keluaran pertanian mereka.

Kejayaan program ini bergantung kepada banyak pihak. Petani sebagai peserta projek ini adalah bertanggungjawab dan perlu memainkan peranan positif bagi memastikan objektif dan matlamat projek ini tercapai. Mereka perlu melibatkan diri dengan bersungguh-sungguh bagi menjayakan semua aktiviti di pasar tani. Mereka perlu menggandakan usaha perladangan dan pemasaran, bekerjasama dengan pentadbiran projek, menyokong serta menghayati matlamat projek. Mereka perlu 'komited' terhadap projek ini.

Komitmen dan penglibatan peserta dalam sesuatu program atau projek adalah penting bagi memastikan kejayaan projek berkenaan. Menurut Oliver (1990), komitmen peserta dapat dijadikan petunjuk yang dipercayai bagi menilai tindakbalas peserta terhadap kebaikan dan faedah sesuatu program dan dapat menilai keberkesanan sesebuah organisasi. Zahra (1985) juga mendapati banyak kajian mengenai komitmen keorganisasian

dijalankan telah dapat menentukan sikap dan prestasi pekerja. Selain daripada itu kajian mengenai komitmen keorganisasian juga sering dikaitkan dengan kadar ketidakhadiran bertugas, pemberhentian, kesungguhan bekerja dan keberkesanan sesebuah organisasi.

Steers (1977), mendapati banyak kajian mengenai komitmen pada masa lepas telah meneliti sejauh manakah kuasa dorongan atau motivasi individu (golongan profesional) boleh mengukuhkan tahap komitmen mereka terhadap organisasi di mana mereka bekerja. Di Malaysia, A. Rahim (1983) dan Mohd Noor (1985) telah membuat kajian mengenai faktor yang berkaitan dengan komitmen peserta atau petani terhadap projek pembangunan pertanian.

Berdasarkan kepada kajian lepas yang menekankan kepentingan komitmen maka kajian ini akan menilai dan menentukan sejauh manakah tahap komitmen peserta terhadap projek pasar tani. Fokus kajian ini adalah untuk menentukan apakah faktor-faktor yang telah mendorong peserta meneruskan usaha gigih sebagai petani (pengeluar) dan sebagai peniaga pasar tani? Sejauh manakah motivasi berkenaan berkaitan dengan tahap komitmen mereka? dan sejauh manakah motivasi tersebut telah membantu menyumbangkan kepada pengukuhan tahap komitmen mereka terhadap projek pasar tani? Ini bermakna kajian ini secara langsung dapat menentukan apakah angkubah

penting yang boleh dijadikan sebagai peramal utama kepada tahap komitmen peserta terhadap projek pasar tani. Oleh itu kajian ini secara langsung cuba menentukan persamaan atau sebaliknya terhadap penemuan kajian lepas oleh Oliver (1990), Zahra (1985), Steers (1977), A. Rahim (1983) dan Mohd Noor (1985).

### **Objektif Penyelidikan**

Objektif utama penyelidikan ini ialah untuk menentukan faktor-faktor yang berkaitan dan mendorong kepada komitmen peserta terhadap projek pasar tani.

Objektif khusus penyelidikan ini ialah:

- i. Untuk mengumpulkan data ciri latar belakang peserta.
- ii. Untuk mengukur tahap komitmen peserta terhadap projek pasar tani.
- iii. Untuk menentukan perkaitan di antara beberapa faktor ciri peribadi peserta dengan komitmen.
- iv. Untuk menentukan perkaitan di antara sikap peserta (terhadap kejayaan, kerajaan, pegawai pasar tani, perniagaan); tanggapan peserta terhadap projek pasar tani, terhadap kursus perniagaan dan kekerapan peserta berkomunikasi dengan tahap komitmen mereka terhadap projek pasar tani.

### Kepentingan Penyelidikan

Pada masa yang lepas kebanyakan kajian terhadap komitmen lebih tertumpu kepada pekerja profesional terhadap organisasi di mana mereka bekerja seperti peguam, saintis, doktor, pensyarah, jurutera, pekerja hospital dan pakar komputer (Reichers, 1985). Terdapat sedikit kajian dijalankan mengenai komitmen peserta bagi sesuatu projek pembangunan pertanian di sektor pertanian dalam negara sedang membangun. Oleh itu hasil kajian mengenai komitmen peserta terhadap projek pasar tani dapat menambahkan khazanah pengetahuan dalam bidang berkaitan tetapi dalam skop yang berlainan.

Penemuan kajian ini secara langsung dapat menjelaskan beberapa masalah pelaksanaan pasar tani dari pelbagai aspek yang secara langsung dapat menilai kemajuan projek ini. Secara khususnya kajian ini dapat memberikan kefahaman kepada pihak perancang dan pentadbir projek mengenai perlakuan dan hasrat petani yang terlibat secara langsung dalam projek pembangunan pemasaran pertanian. Pemahaman ini dapat menjelaskan beberapa faktor dan angkuabah yang berkaitan dan yang menyumbangkan kepada darjah komitmen peserta terhadap projek pasar tani.

Penemuan kajian ini selanjutnya adalah sangat penting dan berguna untuk dimanfaatkan oleh pihak tertentu yang berkait dengan projek pembangunan pertanian amnya dan khususnya kepada Agensi yang merancang, menyelia dan mentadbirkan projek pasar



tani. Hasil kajian ini dapat membantu mereka merangkakan dasar dan strategi lanjutan ke arah memajukan dan meramalkan projek ini pada masa hadapan.

### Batasan Penyelidikan

Kajian ini dijalankan kepada peserta bagi 13 daripada 20 pasar tani di Negeri Selangor Darul Ehsan dan Wilayah Persekutuan. Sebanyak tujuh pasar tani yang baru beroperasi tidak termasuk dalam kajian ini. Oleh itu penemuan kajian ini akan hanya mencerminkan keadaan kumpulan tersebut dan tidak berkaitan dengan peserta di tempat lain yang mungkin berbeza dari segi latar belakang sosio-ekonomi, pengalaman dan persekitaran.

Dalam kajian ini juga hanya menumpukan kepada beberapa angkubah tertentu yang berkaitan dengan komitmen peserta terhadap projek pasar tani. Oleh itu terdapat beberapa angkubah lain yang mungkin berkaitan dengan komitmen peserta seperti saiz ladang, saiz keluarga dan faktor sosial yang berkaitan dengan keagamaan telah tidak dikajikan.

Kajian ini dijalankan semasa pasar tani sedang beroperasi. Masa bagi temubual yang dijalankan adalah terhad dan dalam keadaan yang kurang selesa. Keadaan ini berkemungkinan akan mempengaruhi jawapan peserta terhadap soalan yang diberikan.